

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 6 Syaaban 1442 / 20 Mac 2021****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari Sabtu, 6 Syaaban 1442 bersamaan 20 Mac 2021, iaitu hari yang keenam didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله kita bersyukur ke hadrat الله kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang keenam dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang 2021, Perbekalan 2021/2022 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita berbincang dan meneliti tajuk-tajuk dalam Rang Belanjawan yang berkenaan seterusnya saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini supaya kita dapat bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: **Ahli-Ahli Yang** **Berhormat,** majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneliti dan menimbang Rang Undang-Undang, (2021) Perbekalan 2021/2022 satu per satu. Kita ketahui dan maklumi bahawa cadangan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, pada petang semalam kita telah membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada beberapa buah lagi jabatan di bawah kementerian berkenaan yang perlu kita bincangkan dan seterusnya kita luluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tajuk SE07A hingga Tajuk SE12A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat sekarang akan menumpukan perhatiannya dan membincangkan Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tajuk SE07A hingga Tajuk SE12A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bersama saya ada beberapa permohonan ataupun permintaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan di bawah Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini. Untuk tidak membuang masa lagi, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat pagi. Lebih dahulu saya ingin menyokong cadangan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, mengenai lantikan ketua kampung wanita. Wanita memang berkebolehan untuk memimpin serta menguruskan hal-ehwal pentadbiran dan pengurusan.

Kita sudah mempunyai beberapa ahli kaum perempuan yang menjawat jawatan tinggi di Negara Brunei Darussalam termasuklah yang berisiko tinggi seperti kapten juruterbang. Pada masa ini *Royal Brunei (RB)* mempunyai 130 orang juruterbang termasuklah seorang juruterbang wanita dan enam orang lagi juruterbang wanita yang menjadi kekaguman orang ramai.

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat semalam dan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atas usaha Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam pelaksanaan pemeriksaan bangunan-bangunan untuk penyelarasan Perintah Keselamatan Kebakaran 2016 secara berterusan dari tahun 2017 sehinggalah sekarang.

Saya ingin membangkitkan di bawah Tajuk SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan mempunyai lebih dari 5 ribu aset bangunan. Melalui statistik dari 2017 hinggalah penghujung tahun 2020 pemeriksaan keselamatan kebakaran telah pun dilaksanakan ke atas 179 bangunan kerajaan mahupun secara berjadual ataupun tidak berjadual iaitu:

- 85 pemeriksaan yang telah dilakukan pada bangunan-bangunan kerajaan dan 90% daripadanya telah gagal termasuklah Dewan Majlis ini.;
- 14 pemeriksaan telah dilakukan pada klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan dan 93% daripadanya juga telah gagal.;

- 23 pemeriksaan yang telah dilakukan pada masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat 96% daripadanya gagal pemeriksaan.;
- 55 pemeriksaan yang telah dilakukan pada sekolah-sekolah kerajaan dan 66% juga telah gagal pemeriksaannya.

Keselamatan kebakaran sangat penting bagi setiap bangunan untuk memastikan keselamatan orang awam, pekerja dan perlindungan bagi bangunan-bangunan tersebut. Sistem dan prosedur perlindungan kebakaran adalah salah satu undang-undang yang perlu dilaksanakan bagi semua bangunan untuk mengisyaratkan orang awam dan pekerja sekiranya terjadi kebakaran.

Saya berharap supaya pihak kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat akan dapat membuat pemberigaan menyeluruh mengenai pemeriksaan dan penguatkuasaan undang-undang dan menekankan pentingnya keselamatan dan kebakaran di bangunan-bangunan bukan sahaja kepada sektor swasta tetapi juga kepada pihak kementerian. Bangunan-bangunan kerajaan seharusnya menjadi contoh terbaik dari segi keselamatan bangunan terutama sekali dalam mematuhi akta-akta dan piawaian-piawaian kerajaan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi bangunan-bangunan kerajaan dan swasta yang gagal pemeriksaan keselamatan kebakaran?

Merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) Jabatan Bomba dan Penyelamat peratus kecemasan yang berjaya direspons sehingga sampai ke lokasi dalam masa kurang daripada 10 minit telah pun menurun dari 74% bagi tahun 2017-2018 ke 57% bagi tahun 2019-2020.

Di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, Sistem Respons Kecemasan Nasional (*NERS*) telah diberikan peruntukan sebanyak \$2,663,325 juta dan saya berharap dengan adanya sistem ini, akan dapat mencapai sasaran Jabatan ke 82% bagi respons kecemasan dalam masa kurang daripada 10 minit.

Saya mohon pencerahan status *NERS* dan pelaksanaan projek ini, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Terima kasih
 Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat, atas pandangan dan juga cadangan mengenai ketua kampung wanita untuk menyokong cadangan yang dikemukakan semalam.

Berkaitan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam usaha melaksanakan *Fire and Safety Order 2016* memang betul sebagaimana yang dinyatakan bahawa dari pemeriksaan-pemeriksaan yang dilakukan oleh jabatan berkenaan didapati bangunan-bangunan kerajaan yang telah dinyatakan itu gagal dalam memenuhi *Fire Safety Order* dan pada lazimnya selepas pemeriksaan itu

diadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan berkenaan untuk jabatan-jabatan atau pemilik-pemilik bangunan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan *Fire and Safety Order* yang kadangkala kesalahan-kesalahan itu nampak di mata awam kesalahan kecil tetapi ia tidak memenuhi kriteria dari segi *Fire and Safety Order* umpamanya *hose rail*.

Hose rail untuk digunakan bagi pemadam api ada kedapatan di tempat itu diletakkan kotak-kotak yang boleh menghalang kelicinan penggunaan *hose rail* itu apabila digunakan semasa kecemasan.

Jadi, itu dengan sendirinya nampak kecil tetapi sebenarnya menyalahi dari segi akta tersebut. Kita berharap dalam melaksanakan kepatuhan atau mastikan kepatuhan kepada *Fire and Safety Order* ini semua yang berkenaan baik dalam pihak kerajaan mahupun swasta akan mengambil langkah memperbaiki dan bersama-sama memelihara keselamatan bangunan masing-masing.

Mengenai *response time* itu sebenarnya dalam tahun 2017 ada penurunan tetapi telah meningkat naik dalam 2019, dalam *response times* 10 minit ertinya *urban area* 79% dan الْحَمْدُ لِلَّهِ, tahun 2020 naik kepada 85.54%. Barangkali untuk membetulkan perangkaan itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola tadi

yang belum terjawab mengenai pencerahan status *NERS* iaitu Sistem Respons Kecemasan Nasional. Apakah statusnya masa ini Yang Berhormat?

Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Jabatan Bomba dan Penyelamat statusnya ialah kita berusaha untuk menepati akan *KPI* kitani bahawa bagi *urban areas* seumpamanya *target* ialah 80% sebenarnya tetapi kitani sudah mencapai 85%. Ini akan diharap dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan juga bukan sahaja di *urban areas*, di *rural areas* juga kalau di *sub-urban*, ia 15 minit dan di pedalaman sedikit 20 minit. Kita mempunyai *target* ini dan ini yang diharap untuk dicapai oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat Pengerusi: Beralih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Kaola membawa di bawah Tajuk SE10A-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang telah berusaha menjalankan *enforcement* terhadap pelanggaran-pelanggaran peraturan dan undang-undang kebangsaan di bawah Akta Jabatan

Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Walau macam mana sekalipun, usaha ini sangat perlu digiatkan dengan fokus satu per satu. Contohnya, aktiviti mereka yang tidak sepatutnya berdagang di Pasar Borong, menjalankan aktiviti perniagaan, *freelancers*, bila seseorang khususnya warga asing bekerja untuk mereka sendiri bukan di bawah *company* mereka yang sepatutnya mereka bekerja. Mereka ini *self-employed*.

Mereka *self-employed* dalam negara kita membawa keluarga dan ikut menikmati subsidi kita, kemudian dari generasi demi generasi meneruskan perniagaan. Ini sangat merugikan bangsa dan negara kita.

Kaola kira, perkara ini sudah mencapai ke tahap masalah kebangsaan yang serius yang perlu 'dilapahi,' ditanggalkan, dihilangkan dari mata, telinga dan mulut kita. Demi untuk kepentingan warga negara kita, perkara ini wajib tuntas dan keperluan *whole of government approach* dalam penyediaan akta dan *enforcement*.

2. Apakah usaha terkini untuk melaksanakan levi bagi jawatan tertentu seperti *supervisor*, *driver*, *cashier* dan lain-lain yang dikira sudah sampai masanya *levy monthly installment* dan dari segi nisbah?

3. Adakah perancangan mengkaji penambahbaikan pos-pos kawalan di negara ini khususnya pos kawalan darat seluruh negara. Pos Kawalan Imigresen sementara Kuala Lurah yang menjangkau usia 32 tahun, penambahbaikan prasarana dalam bentuk memudahkan kawalan dan pemeriksaan?

Pos Kawalan Imigresen Putat, kemasukan melalui jalan sungai Pos Kawalan Putat difahamkan melalui tinjauan yang dibuat hanya 2 agensi sahaja yang masih berkawal iaitu Jabatan Imigresen dan Pasukan Polis Diraja Brunei. Dari segi kawalan ia penting bagi mengawal kemasukan dalam membendung kegiatan kurang sihat khususnya semasa pandemik *COVID-19*. Mungkin ia boleh digunakan oleh agensi yang berkepentingan sebagai pusat atau tempat kawalan perairan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai perkara berkaitan dengan Jabatan Imigresen. Walaupun Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ini dibincangkan semalam tetapi ada soalan yang sudah dikemukakan semalam berkaitan dengan penguatkuasaan dan perkara ini sudah diterangkan atau diperjelaskan semalam.

Mengenai *concern* kitani terhadap adanya pekerja-pekerja asing yang membawa keluarga ke mari. Ia ada dua,

satu, ahli keluarga dependan yang datang melawat dengan pas melawat dan ada juga dependan yang datang ke sini bersama-samanya. Kriteria-kriteria untuk membenarkan dependan itu mengikuti pekerja itu telah diteliti oleh Kementerian Hal Dalam Negeri yang dulunya berdasarkan kepada gaji. Kitani sedang mereviu apakah tingkat gaji yang boleh membenarkan seorang pekerja itu boleh membawa dependannya ke mari secara lama bukan secara pas melawat, pas melawat dapat kitani hadkan tempohnya.

Ini juga kitani bandingkan dengan praktis-praktis di negara-negara lain juga. Kalau ini kitani perkukuhkan nanti mungkin ia akan dapat mengurangkan keramaian dependan yang menyertai keluarganya. Perhatian kitani di Dewan ini lebih banyak kepada *semi scale* kalau misalnya kepada orang profesional tertentu, itu barangkali yang kitani perlukan bekerja di sini dengan sukatan gaji yang tinggi itu adalah satu perkara yang memberikan insentif untuk mereka datang ke mari.

Mengenai levi, perkara ini pada masa ini sedang kita bincangkan bersama-sama dengan *Manpower Planning Council* di sana kerana sudah ada kadar-kadar levi cuma cara pelaksanaannya saja lagi untuk diselaraskan dan diperkemaskan.

Mengenai pos-pos kawalan darat. Sebenarnya ada 10 buah agensi yang beroperasi di 4 buah pos kawalan darat tidak termasuk pos kawalan di Putat itu. Pihak-pihak yang berkenaan yang bertugas mengambil perhatian berat

terhadap kepentingan untuk meningkatkan lagi kawalan keselamatan di pusat-pusat pos kawalan masuk di negara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Kaola bercakap di bawah Tajuk SE08A – Pejabat Daerah Tutong. Kaola membawa usul mengenai banjir di Daerah Tutong yang ditangani oleh *District Disaster Management Center (DDMC)*. Kaola sering mendengar keluhan dari mangsa banjir di Daerah Tutong iaitu mengenai ketidakselarasan pandangan dan kehendak para penduduk yang terlibat banjir dengan pengurusan bencana daerah itu iaitu masing-masing dengan kehendaknya contohnya ialah bantuan yang tidak selaras sama ada bantuan catuan makanan, pengangkutan dan kewangan iaitu ada yang dapat dan ada yang tidak dapat walaupun keluarga berkenaan juga menerima akibat banjir yang sama.

Oleh itu, adakah cadangan Pusat Pengurusan Bencana Antarabangsa ini untuk mengadakan permuzakaran selain mesyuarat biasa dengan agensi-agensi penyelamat yang lain iaitu dengan mengadakan muzakarah dari wakil-wakil mangsa bencana ini mengikut kawasan yang sering terjejas banjir untuk

mengetahui curahan isi hati mereka sebelum banjir berlaku dan untuk memberigakan segala apa juga keperluan menghadapi banjir dan menjelaskan secara telus akan sukat-sukat yang dibolehkan untuk menerima bantuan atau kalau ada buku panduan banjir diterbitkan supaya tidak lagi berulang perasaan tidak diperdulikan setiap kali banjir. Buku panduan ini juga dapat diguna pakai oleh penghulu dan ketua-ketua kampung berkenaan bagi menerangkan kepada anak buah mereka.

Kaola menyentuh lagi sedikit iaitu Kod Akaun 004/000 – Institusi Mukim dan Kampung. Baru-baru ini sudah selesai dilaksanakan pengundian calon ketua kampung di Daerah Tutong. Akan menyusul lagi pada 26 Mac 2021 ini dan tarikh-tarikh seterusnya iaitu masing-masing calon tunggal sahaja.

Persoalannya yang kaola timbulkan sekarang ialah untuk menentukan kemenangan selain kelulusan tapisan keselamatan adalah peratus yang mengundi calon tersebut. Adakah kejayaan tersebut, 1/3% dari penduduk yang berhak mengundi seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kelmarin atau kejayaan 1/3% dari yang hadir mengundi. Jika sekiranya ini dikira dari peratus kehadiran seperti majlis pengundian yang lepas, maka setentunya calon ini sudah dijangka menang kerana yang hadir mendaftar mengundi adalah penduduk yang sememangnya memilih setuju.

Yang tidak setuju sengaja tidak hadir walaupun mereka berhak mengundi. Jadi, dalam perkara ini pihak IMK perlu juga memberigakan kepada penduduk yang berhak mengundi supaya hadir untuk menandakan ruang borang tidak setuju. Ini berbeza dengan calon yang lebih dari seorang, tentu ada persaingan pengundi. Kemenangan undi ketua kampung secara rasional sangat penting bagi IMK membina masyarakat yang kukuh, bersatu padu, harmoni di samping menjana sumber hasil masyarakat yang berdaya saing dan berdaya tahan demi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat yang lebih selamat.

Yang terakhir, ialah Tajuk SE11A – Jabatan Penjara, Kod Akaun 001/000 - Pengurusan Dasar dan Pentadbiran, dengan Perbelanjaan Berulang-Ulang tahun 2021/2022 berjumlah \$1,038,960.00. Yang Berhormat Pengerusi. Stigma masyarakat yang dikatakan menebal, memandang sinis terhadap golongan banduan or ODP (orang di dalam parol), malah bekas banduan ini sukar mendapat pekerjaan dan kepercayaan dari agensi-agensi pekerjaan.

Proses pemulihan membina keyakinan diri para banduan untuk kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat melalui sistem parol adalah amat baik dan terbukti berkesan bagi memberi peluang kepada banduan-banduan untuk mengharungi cabaran hidup bersama masyarakat dan keluarga lebih awal berbanding tempoh hukuman yang perlu dijalankan.

Selain itu, dapat mengurangkan *readybase* atau kemasukan berulang yang menyebabkan kesesakan penjara dengan jumlah terkini 818 orang banduan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kelmarin. Dengan adanya pelaksanaan program-program parol ini akan dapat membina banduan berdikari dan memperolehi kehidupan yang lebih baik. Yang penting, mengembalikan hubungan yang terputus bersama keluarga ketika dalam penjara selepas bebas daripada sistem parol. Oleh itu, soalan koala:

1. Apakah perkembangan sistem parol yang telah diura-urakan untuk dilaksanakan seperti yang telah dinyatakan dalam sesi permuzakarahan biskaola dengan jabatan ini pada tahun 2019?; dan
2. Adakah satu akta atau peraturan yang mempunyai pengakuan dalam tempoh tertentu mengatakan ODP ini bebas dari gelaran 'bekas banduan'? Tujuannya untuk memudahkan mereka mendapatkan peluang-peluang pekerjaan dan sekurang-kurangnya ada keprihatinan masyarakat.

Sekian sahaja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan pertama itu, boleh saya tidak menjawab, sebenarnya *NDMC* ini hal berkaitan dengan *District Disaster Managemet Center* semalam sudah tajuknya, tetapi tidak apa saya ingin

memberi respons jua. Mengenai keluhan mangsa banjir, bantuan tidak selaras sebenarnya ada beberapa agensi yang bertanggungjawab semasa kejadian banjir itu, kebanyakannya operasi kitani ini secara bersepadu di antara agensi itu mengikut tahap paras banjir umpamanya apabila banjir itu terlampau tinggi dan tidak dapat dilalui oleh kereta biasa atau kereta 4 roda, maka Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan memberikan bantuan untuk penggunaan trak.

Semua ini sebenarnya ada dalam *SOP* bagi *District Disaster Management Center (DDMC)*. Bantuan-bantuan makanan, itu diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Masyarakat, mereka ada jua aturan-aturan yang tertentu. Demikian juga, mengenai bantuan kewangan saya mengalu-alukan dan menggalakkan supaya diadakan permuzakarah di antara Pengerusi *NDMC* iaitu Pegawai Daerah dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung untuk menerangkan lagi kedudukan *SOP*, sekiranya berlaku banjir.

Sebenarnya perkara ini dibuat, sebelum lagi berlaku banjir, kitani selalu mengadakan muzakarah ini untuk meng*anticipate* apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku banjir. Sekiranya berlaku, kejadian itu berbagai-bagai peringkat.

Yang kedua mengenai pengundian calon, ini termaktub dalam skim perkhidmatan itu, yang memastikan bahawa calon itu walaupun ia calon tunggal, mesti juga mendapat memperolehi 1/3% daripada pengundi yang berdaftar, bukan yang

hadir, pengundi yang berdaftar, sebab itulah umpamanya kitani tidak mengadakan pengundian selama sehari jua tetapi boleh kalau belum mencapai 1/3% daripada itu, diadakan selama 3 hari lazimnya iaitu hari Jumaat, Sabtu dan Ahad untuk memberi peluang penduduk-penduduk yang menjadi pengundi itu untuk memilih. Tidak dinafikan bahawa di dalam pemilihan ini ada calon, ada penduduk kampung yang berdaftar tidak bersetuju ini yang kitani dapati ada, bukan semestinya yang hadir itu bersetuju dengan calon itu.

Mengenai penjara, kita berusaha untuk membantu banduan-banduan yang keluar dari penjara itu untuk menempuhi penghidupan baharu dan ke arah ini kaola sukacita setinggi-tinggi mengucapkan terima kasih kepada mereka yang memberikan bantuan bukan saja terdiri daripada agensi kerajaan tetapi juga swasta termasuk dari dalam Dewan ini, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad dari *Sabli Group* melalui perniagaan syarikat-syarikat ini memberikan kerjasama untuk melatih banduan-banduan ini selepas keluar dengan kemahiran tertentu yang dapat memberikan mereka peluang untuk kembali ke pangkuan masyarakat.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, pada tahun lepas, umpamanya apa yang kita katakan *after care association* mereka telah menubuhkan persatuannya pada bulan ogos 2020 telah dapat membantu seramai 24 orang dan berjaya 6 daripadanya dapat berusaha sendiri dan yang selebihnya masih bekerja dengan syarikat-syarikat tertentu.

Kita berharap mereka akan dapat meneruskan usaha mereka ini dan kepentingan kitani juga sebagai anggota masyarakat untuk memberikan sokongan kepada mereka ini *moral support* supaya mereka tidak mengubah fikiran mereka atau terpengaruh dengan perkara-perkara lain dan menjadikan mereka kembali melakukan perkara yang boleh membawa mereka kepada kena di penjarakan.

Satu perkara yang timbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi, ialah sistem parol sebenarnya betul dan ini telah kita bincangkan dan masih lagi diteliti oleh pihak yang berkenaan Kementeian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama dengan beberapa agensi-agensi tertentu dari segi bagaimana cara untuk melaksanakannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kaola ada 2 persoalan:

1. Melindungi maklumat peribadi penggunaan media sosial seperti *facebook dan instagram* dapat membantu para pembeli melakukan transaksi jual beli secara *online* yang menjadi satu platform yang penting untuk menjana perekonomian sesebuah masyarakat namun isu-isu

privasi dalam bentuk maklumat peribadi pembeli perlu diambil perhatian agar tidak menjejaskan keamanan sesebuah masyarakat dan negara. Kaola mencadangkan agar masyarakat akan diberi kesedaran dalam perkara ini agar keselamatan privasi dalam bentuk maklumat peribadi agar dapat ditanam dalam diri masyarakat; dan

2. Berita bohong banyak kes buruk yang terjadi akibat *hoax* atau berita bohong. Berita bohong (*hoax*) dinilai menjadi ancaman serius kepada negara dalam konteks ekonomi informasi yang d viral yang berupa berita bohong dan biasa merupakan fitnah semata-mata boleh memberi kesan yang negatif terhadap harapan dan perilaku masyarakat setempat dalam bidang bisnes sehingga menjejaskan keuntungan sesuatu perniagaan. Perkara seperti ini boleh meracun fikiran masyarakat dan menyebabkan kemunduran. Dengan ini kaola mencadangkan agar pihak yang berkenaan akan dapat memikirkan dan seterusnya melaksanakan langkah-langkah yang strategik agar berita bohong atau *hoax* dapat dihentikan atau sekurang-kurang *diminimisekan*. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat yang membawakan 2 perkara yang meliputi mengenai maklumat peribadi dan berita bohong (*hoax*).

Barangkali kedua-dua perkara ini adalah diluar daripada tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri walaupun sebenarnya ia memberi kesan kepada anggota masyarakat rakyat dan penduduk negara ini yang juga di bawah kawalan kementerian ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat ada baiknya 2 perkara yang berkenaan ditimbulkan sewaktu kita membincang di bawah Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat kaola ingin membawa perkara dibawah Tajuk SE11A - Jabatan Penjara. Sebentar tadi ada rakan sejawat pun juga mengemukakan mengenai bantuan penghuni keluar dari lepasan penjara tetapi kaola menyentuh mengenai isu *recidivist*.

Recidivist secara umumnya membawa maksud pesalah atau banduan yang mengulangi kesalahan mereka dan dimasukkan semula ke penjara bagi kali kedua dan seterusnya. Kajian pernah dibuat di Negara Brunei Darussalam berhubung dengan isu ini dan hasil kajian berkenaan kita tidak terkecuali adalah antara negara yang menghadapi kadar

peratus perangkaan yang tinggi dalam isu *recidivist*.

Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Penjara atas usaha berterusan yang telah dijalankan oleh jabatan berkenaan dalam usaha mengekang masalah ini dari berlarutan dengan menyediakan berbagai-bagai program pemulihan dan bimbingan bagi banduan-banduan khususnya bagi persediaan sebelum dibebaskan walaupun kekangan atas sebab bilangan pegawai penjara yang amat terhad sehingga menjejaskan berlaku program dan bimbingan namun ia masih dapat diteruskan dalam kapasiti yang terhad kelancaran.

Semoga isu kekurangan pegawai penjara ini sudah atau akan dapat diatasi dengan segera. Kaola maklum mengenai kekurangan pegawai penjara.

Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya antara penyumbang kepada isu-isu *recidivist* ialah kurangnya sokongan daripada masyarakat khususnya keluarga. Senang cakap, ada keluarga yang payah menerima kembali bekas banduan ke pangkuan keluarga mereka.

Justeru, kaola ingin bertanya apakah program juga ada diberikan kepada keluarga-keluarga banduan? Kaola rasa penting agar mereka lebih terbuka dan lebih bersedia menerima bekas banduan pulang ke pangkuan mereka seterusnya dapat memberikan sokongan moral dan kerohanian.

Satu perkara lagi kaola ingin bertanya, sejauh manakah kejayaan program keseliaan di Jabatan Penjara? Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai perkara pertama, isu *recidivist*. Sebenarnya *recidivist* ini diukur 3 tahun, jadi kalau kitani mengukur tahun 2020 ialah 3 tahun kebelakangannya iaitu 2017. Adakah tidak orang yang masuk *cohort* 2017 itu masuk balik setelah 3 tahun dan dari perkiraan itu kitani telah mendapati bahawa kadar *recidivist* di penjara kitani, pada masa ini dalam kadar di antara 7.5% kepada 8% iaitu dibawah 10% dan *norm*, ini sebenarnya *within the norm recidivist*, ada beberapa negara yang melimpasi 10%.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ dari segi tenaga baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan tambahan lantikan seramai 50 orang lagi *staff* di Jabatan Penjara dan mudah-mudahanlah lepas mereka ini mengikuti latihan-latihan dan bekerja akan dapat menjalankan tugas sebagaimana yang kitani harapkan dan اللَّهُ إِن شَاءَ اللَّهُ akan membantu kedudukan itu.

Mengenai banduan-banduan sama ada program untuk membantu mereka ini selepas keluar, tadi bila menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ada saya menyatakan akan peranan yang dimainkan oleh rakan seliaan yang membantu mereka ini

dalam memulakan penghidupan baharu, bukan sahaja mencari pekerjaan tetapi menjadi sokongan. اللَّهُ Jabatan Perdana Menteri telah pun memberikan satu unit rumah di Kampung Jangsak, iaitu tempat mereka untuk berkumpul. Ada platform mereka untuk bertemu dengan rakan-rakan mereka dan di sinilah rakan-rakan seliaan yang terdiri daripada *NGOs* dan juga pihak kerajaan bersama-sama membimbing mereka ini.

Kalau di dalam penjara, keseliaan ini memang semasa mereka di dalam penjara, mereka diberikan kemahiran-kemahiran tertentu mengikut kecenderungan mereka. Beberapa program kemahiran seperti bertukang kayu, menjahit, memasak dan sebagainya malah juga *landscaping* yang diberikan dengan harapan, dengan kemahiran ini dapat membantu mereka. Saya difahamkan baru-baru ini, ada daripada mereka yang keluar dengan kemahiran tukang jahit dan telah diambil berkhidmat oleh mereka yang menjalankan usaha perniagaan menjahit di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang dijalankan oleh pengusaha kitani, اللَّهُ .

Dalam hubungan ini ertinya ia memerlukan *whole of nation approach*, semua sekali kitani bertanggungjawab di dalam memberikan sokongan kepada mereka yang keluar daripada penjara untuk melayari penghidupan baru mereka. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

سَمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
 Dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kaola ingin mengajukan pertanyaan mengenai:

1. Di bawah Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Yang Berhormat, kaola ingin mengetahui pemegang *entry permit* sejak tahun 1998 mengikut peraturan seseorang yang memegang *entry permit* selama 20 tahun dari tarikh dikeluarkan, boleh memohon taraf kerakyataan dengan syarat mesti mengikuti dan lulus ujian bertulis.

Pertanyaan kaola Yang Berhormat, setelah 20 tahun memegang pemohon untuk mendapatkan taraf kerakyataan pada tahun 2018 sehingga kini, belum ada kelulusan dan kebenaran daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat.; dan

2. Kaola ingin mengajukan di bawah Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. اللَّهُ أَلْحَمْدُ ucapan penghargaan syabas dan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan

Penyelamat yang telah melaksanakan fungsinya dengan efisien dan efektif dalam memastikan kemusnahan kepada harta benda dan aset yang dapat dielakkan (*mengclearkan*) binatang berbahaya daripada kediaman juga penyelamat nyawa dan lain-lain. Yang Berhormat, semua ini berpunca dari urus tadbir yang baik dan juga keupayaan anggota Bomba dan Penyelamat sebagai pelaksanaanya.

Soalan kaola, adakah akta pengecualian ke atas anggota Bomba dan Penyelamat yang mengecualikan pegawai kanan bomba yang dikategorikan *medical board* tidak perlu menjalani ujian *BFT (Basic Fitness Test)* berbanding dengan peringkat biasa atau rendah anggota bomba. Ada antara mereka juga dikategorikan *medical board* tetapi perlu menjalani ujian *BFT*. Akhirnya, berapa lamakah setiap anggota Bomba dan Penyelamat menjalani tempoh percubaan sebelum dijadikan anggota bomba secara tetap (dari informasi ada yang disampaikan 3 tahun dalam percubaan) dan apakah setelah selesai menjalani latihan sebagai pelatih rekrut Bomba dan Penyelamat, mereka masih belum diiktiraf sebagai anggota tetap.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

وَالسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih kepada Yang Berhormat, atas pertanyaan tersebut:

1. Mengenai pemegang *entry permit* atau Peduduk Tetap 1958 yang selama 20 tahun memohon taraf kerakyatan. Sebagaimana jua Yang Berhormat maklum, ia mestilah menduduki ujian bertulis dan kalau ia belum menjalani ujian bertulis ia perlulah menjalani ujian bertulis itu sebagai satu syarat. Mungkin pertanyaan itu juga, kan bertanya apa kedudukan kerakyatan? Dari tahun 2017 sehingga sekarang ini, sudah terdapat 1975 orang yang telah dianugerahkan taraf kerakyatan pelbagai katagori.; dan
2. Jabatan Bomba dan Penyelamat, mengenai *Basic Fitness Test (BFT)* ini, bagi mereka yang *medical board*, bolehlah dirujuk kepada jabatan, tentu ada kriteria atau cara-cara untuk melaksanakan *fitness test* bagi mereka yang sudah disahkan *medical board*, ataupun dikecualikan. Saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat kerana ia mengikut peraturan-peraturan yang terdapat di Jabatan Bomba dan Penyelamat yang kemungkinan orang seperti ini, tidaklah dapat bekerja di bahagian operasi tetapi mungkin bahagian lain. Tempoh percubaan sebagaimana Yang Berhormat maklum, setelah tempoh percubaan selesai tentulah ada penilaian. Hanya mereka yang dinilai memenuhi kriteria-kriteria untuk ditetapkan dalam jawatannya

barulah ditetapkan dalam jawatannya.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyentuh di bawah Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong. Jabatan Daerah Tutong telah menetapkan 4 program sebagai fungsi utama dengan objektif program masing-masing.

Kaola menyentuh satu daripadanya iaitu Kod Akaun 004/00 Institusi Mukim dan Kampung. Peruntukan disediakan sebanyak \$936,408.00, yang \$13,480.00 daripadanya ialah untuk memperkasa program-program Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seperti jamuan-jamuan, mesyuarat dan program dilaksanakan. Sementara itu peruntukan sebanyak \$41,000.00 lagi berada dalam Kod Akaun 003/002 Inovasi ataupun Satu Kampung, Satu Produk di bawah Program destinasi Tutong.

Daerah Tutong terdapat 8 mukim dan 33 buah kampung, dari jumlah itu tidak sampai 50% daripadanya melaksanakan atau mengusahakan produk masing-masing dan daripada jumlah 50% itu sebahagiannya ada semasa jualan

di 'Tamuk Neka' setiap hari Khamis, semasa ekspo-ekspo diadakan dan semasa lawatan oleh pihak berkenaan sahaja.

Kaola selaku penghulu yang terlibat mengikuti perkembangan produk ini merasa masih ada lagi yang perlu diusahakan dalam pembaikan dan mengembangkan perkhidmatan seperti dari segi pemasaran produk masih mempunyai ruang terhad dan masih ketinggalan dalam persaingan dengan produk luar.

Kaola amat gembira usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Jabatan Daerah Tutong secara berterusan telah dan akan mengadakan kursus dan latihan yang relevan mulai tahun lepas sepertimana mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semalam.

Kaola mencadangkan selain menyediakan peruntukan yang cukup untuk melaksanakan program kerja Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk meningkatkan mutu dan pertumbuhan produk baharu. Kaola percaya Jabatan Daerah Tutong melalui IMK hendaklah selalu mengadakan perundingan bersama-sama ketua kampung dan lawatan-lawatan melihat perkembangan produk setiap kampung dan memastikan setiap kampung dan mukim mempunyai produk masing-masing dalam mendukung program setiap Satu Kampung Satu Produk ertinya tidak ada terkecuali.

Kaola juga ingin merujuk *KPI* anggaran perbelanjaan 2021/2022 Jabatan Daerah Tutong dan mendapati sasaran jumlah kutipan hasil Projek Perekonomian Majlis Perundingan Kampung di Daerah Tutong menurun iaitu kutipan 2011 dan 2020 sebanyak \$187,000.00 dan bagi tahun 2021 dan 2022, anggarannya ialah yang tercatat \$90,000.00 sahaja, sepatutnya meningkat kerana rakyat dan penduduk negara ini tiada ke luar negara.

Sekian, sahaja terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih kepada Yang Berhormat. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Mengenai cadangan, kedua-duanya adalah cadangan. Mengenai Satu Kampung Satu Produk yang perlu ditingkatkan lagi kerana bilangan kampung dan mukimnya yang banyak. Kitani mengucapkan tahniah kepada Daerah Tutong yang berusaha bersungguh-sungguh mencari pelbagai inisiatif untuk meningkatkan Satu Kampung Satu Produk dan inisiatif yang sangat membanggakan itulah tercetusnya jua kitani melancarkan belia membangun, iaitu sokongan bagi menggalakkan para belia dalam mukim dan kampung untuk bergerak secara aktif, menyumbang kepada bukan sahaja menghasilkan produk tetapi juga meningkatkan kedudukan ekonomi.

Contohnya, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi itu bahawa mulai bulan kalau tidak silap pada awal tahun ini atau hujung tahun lepas menyediakan

tempat untuk pengusaha IKIP secara bergilir-gilir kerana tempat itu kecil yang hanya dapat memberikan ruang kepada 20 pengusaha untuk berjual di 'tamu' pada hari Khamis dan daripada maklumat yang saya perolehi pendapatan daripada 'tamu' hari Khamis ini di antara \$3,000.00 ke \$4,000.00 ribu yang bermakna bahawa secara puratanya pengusaha mendapat pendapatan \$200.00 seminggu dan ini merupakan satu sumbangan yang baik dan harus dicontohi daerah-daerah lain dan mereka juga saya lihat berusaha dalam menggalakkan belia, membimbing saja dan para belia sendiri membuat inisiatif mereka.

Contoh yang saya paling tertarik ialah dengan tidak ada modal belia itu secara bekerjasama dengan seorang yang mendapat bantuan dari MUIB. Ia diberi bantuan MUIB perahu dan enjin untuk ia menangkap ikan dan sebagainya. Semasa ia tidak menangkap ikan, belia ini secara *synergy* bersama-sama menggunakan bot dan enjinnya untuk membawa pelancong. Ini dengan sendirinya aktiviti menjana pendapatan kepada mereka dan juga kepada penerima bantuan MUIB ini dan mereka akan berusaha lagi untuk mencari peluang-peluang yang mereka boleh gunakan dalam kemudahan aset yang ada tetapi boleh menjana pendapatan. Itulah contoh inovasinya dalam kalangan graduan yang belum bekerja. Ini inisiatif di Daerah Tutong sebab itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka yang membawa belia dan pengusaha ini dan banyak lagi contoh lain.

Perkara itu juga berkaitan dengan yang saya sebutkan mengenai perkara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu kutipan hasil perekonomian. Tahun lepas itu berkurangan \$187,000.00. Ini secara menyeluruh memang berkurangan. Kalau tidak pendapatan dari *e-Cap* kitani boleh mencecah \$1 juta dalam setahun. Tetapi kerana kurangnya ekspo kurangnya peluang-peluang tahun lepas berkurangan dan saya bersetuju untuk tahun 2021/2022 patut meningkat lagi dan mereka patut mencari *avenues* cara-cara untuk meningkatkan pendapatan mereka. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Kaola bercakap di bawah Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Kaola menyentuh mengenai Kad Pintar (IC) Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Dalam menghadapi cabaran teknologi industri 4.0 apakah peranan pihak-pihak berkenaan bagi menjadikan Kad Pintar (IC) Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sebagai satu Kad Pintar lengkap peribadi, ia juga berfungsi sebagai:

1. Kad Pintar.;
2. Lesen kenderaan.;
3. Sijil nikah dan sebagainya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung dan terima kasih atas cadangan ataupun pandangan mengenai Kad Pintar yang telah saya sentuh dalam mukadimah saya semalam dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* sebenarnya Kad Pintar kitani itu sedang diteliti bukan saja oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan tetapi juga agensi-agensi lain untuk menjadikannya dapat memuatkan apa juga maklumat-maklumat yang penting sebagaimana Yang Berhormat nyatakan itu. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ia sudah dalam proses untuk *incorporate* dimasukkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin merujuk di bawah Tajuk SE09A - Jabatan Daerah Temburong iaitu Projek dan Kemajuan Infrastruktur Prasarana dan Perkhidmatan dan Pemeliharaan Kemudahan Awam dan Bangunan Kerajaan di bawah kawalan Jabatan Daerah Temburong iaitu menyentuh bangunan jabatan-jabatan kerajaan di Daerah Temburong yang ia telah pun

dirasmikan penggunaannya pada 18 Julai 1988 yang lalu, kira-kira 33 tahun.

Dalam usia 33 tahun sudah tentulah banyak perubahan dan kemajuan yang telah dicapai dan mungkin tiba masanya bangunan tersebut memerlukan pengubahsuaian, penambahbaikan, bilik-bilik pejabat dan mungkin juga suatu hari nanti ada unit-unit baharu ditubuhkan, jabatan-jabatan yang bersesuaian untuk dipindahkan ataupun diasingkan daripada bangunan berkenaan.

Kaola ingin mengetahui perancangan masa depan kementerian bagi meningkatkan infrastruktur prasarana bangunan berkenaan sepertimana yang kaola nyatakan di atas ataupun membangunkan bangunan baharu khususnya Jabatan Daerah Temburong. Ini bertujuan semata-mata bagi memberikan keselesaan kepada pegawai dan kakitangan yang bertugas serta kemudahan orang awam yang mempunyai urusan dengan jabatan-jabatan yang berkenaan seiring dengan perkembangan masa kini Daerah Temburong.

Seterusnya kaola juga ingin mengetahui perancangan kementerian khususnya Jabatan Daerah Temburong kepada penjaja-penjaja di pondok tepi jalan di sepanjang jalan seperti di kawasan Labu, Perdayan, Batu Apoi dan lain-lain bagi menyediakan tempat yang bersesuaian dan selamat. Seperti yang difahamkan mereka ini sebenarnya telah pun diberikan meja di kawasan tamu sementara di Taman Perayaan tapi mereka ini tidak mahu pindah. Berpindah pun sekejap saja berjual dengan alasan

mereka ini tidak 'belurih' berjual di kawasan tersebut jadi terpaksa mereka ini balik semula berjual di tepi jalan. Untuk itu kaola memohon pencerahan mengenainya.

Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat. Satu ialah mengenai bangunan pejabat-pejabat kerajaan di Daerah Temburong. Sebagaimana juga dengan daerah-daerah lain bangunan jabatan kerajaan itu walaupun majoritinya tidak diduduki oleh Jabatan Daerah Temburong ia juga menempatkan jabatan-jabatan kerajaan yang lain di jabatan tersebut. Saya kira perkara ini sekiranya ada keperluan-keperluan untuk penambahan bangunan dan sebagainya akan diambil perhatian oleh pegawai daerah di sana. Perancangan Daerah Temburong bagi penjaja-penjaja di tepi jalan sebagaimana Yang Berhormat nyatakan, kitani bagi tujuan keselamatan telah pun mengambil tindakan supaya menasihatkan penjaja-penjaja ini untuk tidak berjual di tepi jalan dan menyediakan tempat di 'tamu' sementara.

Apa yang di maksudkan oleh Yang Berhormat ialah tempat yang kekal. Kalau ini keadaannya tidak juga tahu sama ada tempat yang kekal disediakan, adakah mereka ini akan terus berada di tempat tersebut atau masih lagi seperti dalam peribahasa: "menangguk ikan di lubuk, sampai ia tahu di sana

banyaknya ikan, ia tidak mahu ke tempat lain".

Mudah-mudahanlah secara *whole of government approach and nation approach*, kita akan dapat sama-sama mengatasi, sekiranya ada cadangan untuk membuat tempat yang lebih kekal dengan pertimbangan untuk menyediakannya terpaksa dilihat bukan sahaja dari segi kewangannya tentulah dalam kerajaan pada masa ini belum ada tapi kita sedang meneliti kalau ada tapak-tapak tanah yang bersesuaian bagi tujuan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah menjawab soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan penuh tabah dan terperinci. Saya kira kewahaman daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat setentunya sedikit sebanyak akan dapat tertutup memandangkan dengan penjelasan-penjelasan yang telah pun dikemukakan. Tapi walau macam manapun, saya melihat bahawa perkara yang dikemukakan banyak juga perkara-perkara itu pernah di kemukakan dalam Majlis ini dan tidak putus-putus. Sekiranya perkara itu akan terus dibawa juga kita akan terpaksa menghabiskan waktu untuk menjawabnya dan menelitinya.

Saya kira satu proses yang agak negatif bagaimana kita *sustain interest* orang ramai tetapi juga *interest* Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet untuk menangani soal-soal berkenaan itu. Saya kira ada baiknya perkara-perkara yang patut dirundingkan dengan pegawai-pegawai daerah, pegawai-pegawai yang berkenaan itu seelok-eloknya mengemukakan perkara-perkara seperti bajet dan seumpamanya itu kepada pihak-pihak yang tertentu supaya akan dapat dilaksanakan dan dipertanggungjawabkan. Jadi, saya sekarang berpendapat seelok-eloknya perkara ini kita undi iaitu di bawah Tajuk SE07A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SA07A hingga Tajuk SA12A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SF1A hingga Tajuk SF06A - Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat sekarang berpindah untuk meneliti dan menimbangankan peruntukan Kementerian Pendidikan. Sebelum tajuk ini kita bukakan untuk dibahaskan saya ingin dulu memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan kenyataan mukadimahnyanya tentang belanjawan kementeriannya ini. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana telah memberikan kesempatan kepada kaola untuk memberikan penerangan mengenai tujuan dan fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2021/2022.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan dalam memperuntukkan sebanyak \$759,740,120.00 bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2021/2022 dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$29,412,207.00

Jumlah peruntukan besar yang disediakan ini jelas menunjukkan pendidikan adalah salah satu keutamaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi.

Dengan yang demikian, Kementerian Pendidikan akan meneruskan usahanya "Memberikan Pendidikan Holistik Bagi Mencapai Potensi Sepenuhnya Untuk Semua". إِنَّ شَاءَ اللَّهُ. peruntukan yang besar ini akan Kementerian Pendidikan manfaatkan dengan penuh amanah dan sebaik-baiknya dengan berbelanja mengikut keutamaan dan penghasilan impak yang terbaik. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ perlaburan pendidikan terus membuah hasil yang semakin positif khususnya apabila dilihat dari segi keputusan peperiksaan awam bagi sekolah-sekolah peringkat rendah dan menengah di bawah Kementerian Pendidikan. Bagi penilaian sekolah rendah atau PSR bagi tahun 2020, ia mencatatkan sebanyak 62.38% atau seramai 2,157 orang calon yang memperolehi gred A hingga C dalam 5 mata pelajaran.

Bagi keputusan *GCE 'O' LEVEL* pula, 42.86% calon atau 1,861 orang calon memperolehi sekurang-kurangnya 5 '*O' level*' pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 5.52% dari tahun sebelumnya. Keputusan peperiksaan *GCE 'A' LEVEL*, telah menunjukkan peningkatan sebanyak 6.99% iaitu sebanyak 82.55% calon atau seramai 1,154 calon memperolehi sekurang-kurangnya 3 '*A' level*' berbanding tahun sebelumnya sebanyak 75.56%. Jumlah peratus pelajar *A' Level* yang mendapat gred A-C dalam 3 mata pelajaran telah menunjukkan peningkatan yang baik iaitu sebanyak 80.92% pada tahun 2020 berbanding dengan 67.87% pada tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, peratus pelajar '*A' level*' yang mempunyai *tariff points* yang melebihi 240 *points* juga telah meningkat kepada 51.82% berbanding dengan 37.5% pada tahun 2019. Pencapaian-pencapaian ini berkat hasil usaha gigih para guru, pemimpin sekolah, ibu bapa dan seluruh warga Kementerian Pendidikan khususnya melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik pendidikan rendah dan menengah. Di samping itu, peningkatan pembangunan profesional para guru di setiap kluster pendidikan dalam beberapa tahun kebelakangan ini adalah bukti betapa para guru amat peka akan kualiti pengajaran mereka dan hasilnya telah dapat kita lihat melalui prestasi para pelajar yang kian meningkat dalam peperiksaan awam, peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pelbagai pencapaian cemerlang juga telah dikecapi di peringkat pengajian tinggi bahawa Universiti Brunei Darussalam, buat julung kalinya pada tahun 2020 telah memecah masuk carta *Times Higher Education Rankings* dalam kedudukan 401 hingga 500 dan pada tahun ini pula meningkat dalam kedudukan 350 hingga 400 di seluruh dunia. Dalam pada itu, UBD juga meneruskan lagi kecemerlangan mereka dalam *QS World University Ranking* dengan kedudukannya melonjak naik ke-254 di seluruh dunia pada tahun 2021. Universiti Teknologi Brunei (UTB) juga telah meningkatkan kedudukannya di *QS World University Ranking 2021* pada posisi ke-350. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNNISA) pula telah memenangi Anugerah Kewangan Islam

Global 2020 iaitu *GIFA 2020* bagi kategori Anugerah Kepimpinan Pasaran *GIFA 2020*.

إِنْ شَاءَ اللهُ pencapaian ini akan dapat menjadi pemacu kepada usaha yang lebih besar bagi UNNISA menyumbang kepada pada pembangunan bidang perbankan dan kewangan Islam di negara ini. Semua kejayaan ini adalah pengiktirafan antarabangsa terhadap keupayaan universiti-universiti tempatan dari segi akademik, penyelidikan, reputasi majikan, nisbah pelajar dan sebagainya.

Di peringkat pengajian teknikal dan vokasional pula, kemasukan pelajar ke Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei semakin bertambah dan kompetitif setiap tahun. *Employment rate* atau kadar pekerjaan selepas 18 bulan menamatkan pengajian bagi graduan Politeknik Brunei dan *IBTE* kohort 2018 juga telah menunjukkan peratus yang baik iaitu di sekitar 70%.

Ini hasil daripada penawaran kursus dan kurikulum yang sejajar dengan kehendak industri dan pasaran pekerjaan melalui kerjasama rapat dengan pihak berkepentingan khususnya *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*. إِنْ شَاءَ اللهُ dengan sokongan kuat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, usaha-usaha meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran para pelajar di peringkat teknikal dan vokasional mahupun di peringkat tinggi akan dilipatgandakan lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di sebalik semua pencapaian yang telah kaola kongsi tadi masih banyak usaha-usaha yang perlu terus dilaksanakan dalam menghasilkan sistem pendidikan berkualiti tinggi yang merangkumi kualiti sumber tenaga manusia yang cemerlang, pemberian akses yang sama dan saksama serta kerjasama erat dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran. Dalam hubungan ini, adalah dikongsi bahawa antara inisiatif yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2021/2022 khususnya dalam mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berasaskan prestasi di bawah Objektif Strategik I Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018 hingga 2022 ialah:

1. Usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kapasiti melalui pembangunan profesional, tenaga pengajar, pegawai dan kakitangan di bawah Kemeterian Pendidikan yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:
 - i. Program perkembangan profesional bagi pemimpin-pemimpin sekolah dan tenaga pengajar.;
 - ii. Program meningkatkan kemahiran dan tahap kompetensi pegawai-Pegawai B2 ke atas (bukan tenaga pengajar), di Kementerian Pendidikan.; dan

- iii. Program Perkembangan Pakar Pendidikan.
2. Pembaikan dan pengemaskinian proses pengambilan tenaga pengajar melalui Program Imersi dan Perantis.

Sebahagian inisiatif yang dinyatakan di sini adalah selaras dengan keutamaan tema belanjawan Tahun Kewangan 2021/2022 iaitu "Meningkatkan Produktiviti Negara dan Menjana Sumber Manusia yang Kompeten dan *Employable*". Manakala itu, antara inisiatif utama yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2021/2022 di bawah Objektif Strategik II iaitu untuk menyediakan akses yang sama dan saksama pada pendidikan berkualiti ialah:

- i. Mempertingkatkan kualiti pemeliharaan aset di institusi pendidikan termasuk di institusi pengajian tinggi dengan menaik taraf bangunan dan pelaksanaan pemeliharaan komprehensif melalui Projek *Facilities Management ((FM))*;
- ii. Pemeliharaan dan penaiktarafan prasarana rangkaian bagi sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan.;
- iii. Penyewaan komputer bagi penuntut-penuntut yang kurang berkemampuan untuk membantu dalam pembelajaran secara dalam talian.;

- iv. Menambah baik perkhidmatan pengangkutan bas sewa khas dan 'bot temuai'.;
- v. Meneruskan pelaksanaan Rancangan Pemakanan Sekolah, Program Harapan dan Program Anak Harapan.;
- vi. Penyemakan semula kurikulum mata pelajaran teras seperti Bahasa Inggeris dan Matematik dengan piawaian atau standard yang sedia ada.;
- vii. Mengemas kini dan mewujudkan kurikulum bagi Literasi Kewangan (rendah, menengah dan dewasa) dan Literasi Digital.;
- viii. Mengemas kini dan memantau program dokongan pembelajaran atau *learning support programme* bagi pelajar-pelajar yang memerlukan.

Sebahagian daripada inisiatif ini ialah selaras dengan keutamaan tema belanjawan Tahun Kewangan 2021/2022 iaitu "Penyediaan Kemudahan dan Infrastruktur yang Mampan dan Berdaya Tahan Untuk Kesejahteraan Awam dan Perkembangan Ekonomi". Di bawah objektif strategik III iaitu untuk meningkatkan perkongsian akauntabiliti dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran. Antara inisiatif utama yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2021/2022 ialah peningkatan hubungan dua hala dengan Kementerian

Pendidikan dan Institusi Pendidikan Luar Negara serta hubungan dengan organisasi serantau dan antarabangsa.

Dalam pada itu juga, penglibatan berterusan Ahli-Ahli Yang Berhormat, para ibu bapa penjaga dan masyarakat amat dihargai dan diperlukan sepertimana yang telah kita dapat alami semasa mengharungi pandemik *COVID-19*. Marilah kita bersama-sama mendukung misi kementerian ini "Untuk Memberikan Pendidikan Holistik Bagi Mencapai Potensi Sepenuhnya Untuk Semua, Bagi Mencapai Visi Pendidikan Berkualiti Negara Dinamik".

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kesemua inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan ini juga adalah dihasratkan untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan (*NKPIs*) bagi Kementerian Pendidikan dan hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi, beridentiti kebruneian, berciri global, mempunyai jati diri serta nilai-nilai rohani yang tinggi lagi berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Sekian sahaja dahulu, sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi yang telah memberikan kesempatan untuk menyampaikan mukadimah ini, sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana memberikan huraian yang begitu jelas tentang penyediaan

belanjawan kementeriannya bagi tahun 2021/2022. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dahulu kita berbincang pada pagi ini, saya cadangkan Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan Persidangan kita ini dan kita akan bersidang semula *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pada petang ini nanti sebagaimana lazimnya mulai pukul 2.30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)